

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 14 Januari 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

NOVEMBER 2024

Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 0.2 peratus pada November 2024

PUTRAJAYA, 14 JANUARI 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, November 2024**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli meningkat 0.2 peratus pada November 2024 (38,481 tan metrik) berbanding pada Oktober 2024 (38,400 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 25.5 peratus (November 2023: 30,669 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada November 2024 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (89.0%) berbanding sektor estet (11.0%).

Jumlah stok getah asli pada November 2024 meningkat 12.3 peratus kepada 151,197 tan metrik berbanding 134,667 tan metrik pada Oktober 2024. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 88.6 peratus diikuti kilang pengguna getah (11.2%) dan estet getah (0.2%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 43,562 tan metrik pada November 2024, menurun 9.5 peratus berbanding Oktober 2024 (48,142 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 44.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada November 2024 diikuti Jerman (12.5%), Amerika Syarikat (10.5%), Emiriah Arab Bersatu (8.6%) dan Pakistan (4.5%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.4 billion pada November 2024, menurun 4.7 peratus berbanding Oktober 2024 (RM1.5 billion).


Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 8.4 peratus (November 2024: 683.48 sen sekilogram; Oktober 2024: 746.36 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun sebanyak 1.3 peratus (November 2024: 728.68 sen sekilogram; Oktober 2024: 738.01 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menurun antara 1.3 peratus dan 8.4 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) menurun 3.8 peratus (daripada USD2.01/kg kepada USD1.93/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 13.0 peratus (daripada USD2.63/kg kepada USD2.29/kg).

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran November 2024, pasaran getah Kuala Lumpur bercampur-campur dengan harga SMR 20 bergerak dalam julat yang ketat dan meningkat sedikit menjelang akhir bulan. Sentimen kenaikan harga disokong oleh kekurangan bekalan getah asli global berikutan cuaca buruk di negara pengeluar utama getah asli, permintaan getah asli yang lebih baik dilaporkan oleh Persatuan Pengeluar Getah Asli Negara (ANRPC) dan berdasarkan laporan terkini Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Sentimen pasaran juga disokong oleh prestasi ekonomi China yang bertambah baik yang dirangsang oleh rangsangan ekonomi untuk menyokong ekonomi mereka.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli November 2023, Oktober - November 2024
(‘000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli November 2023, Oktober - November 2024
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
14 JANUARI 2025

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, January 14th 2025



MEDIA STATEMENT

**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA NOVEMBER 2024

Malaysia natural rubber production increased by 0.2 per cent in November 2024

PUTRAJAYA, JANUARY 14, 2025 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, November 2024**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production increased by 0.2 per cent in November 2024 (38,481 tonnes) as compared to October 2024 (38,400 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 25.5 per cent (November 2023: 30,669 tonnes). Production of NR in November 2024 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (89.0%) as compared to estates sector (11.0%).

Total stocks of NR in November 2024 increased by 12.3 per cent to 151,197 tonnes as compared to 134,667 tonnes in October 2024. Rubber processors factory contributed 88.6 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (11.2%) and rubber estates (0.2%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 43,562 tonnes in November 2024, decreased 9.5 per cent as against October 2024 (48,142 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 44.2 per cent of total exports in November 2024 followed by Germany (12.5%), the United States of America (10.5%), the United Arab Emirates (8.6%) and Pakistan (4.5%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.4 billion in November 2024, a decrease of 4.7 per cent as compared to October 2024 (RM1.5 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded a decrease of 8.4 per cent (November 2024: 683.48 sen per kg; October 2024: 746.36 sen per kg) while Scrap decreased by 1.3 per cent (November 2024: 728.68 sen per kg; October 2024: 738.01 sen per kg). Trend of prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) decreased between 1.3 per cent and 8.4 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has decreased 3.8 per cent (from USD2.01/kg to USD1.93/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 13.0 per cent (from USD2.63/kg to USD2.29/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in November 2024, the Kuala Lumpur rubber market ruled mixed in November with SMR 20 price moving within the tight range and increased slightly towards month end. The bullish sentiment was supported by the shortage of global NR supply due to adverse weather in major producing NR countries, brighter NR demand outlook reported by the Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC), and the latest report by the International Monetary Fund (IMF). Market sentiment was also supported by the improving Chinese economic performance boosted by the economic stimulus to support their economy.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber November 2023, October - November 2024
(‘000 tonnes)





Chart 2: Imports and exports of natural rubber November 2023, October - November 2024
(‘000 tonnes)



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
14 JANUARY 2025